

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (73)

Tarikh : 23 Februari 2016

**Ketua Pengarang
Harian Metro**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO BERTAJUK "KAMI MAHU
SIJIL MATI" BERTARIKH 22 FEBRUARI 2016, ISNIN – M.S: 16 (SETEMPAT)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan empat (4) keluarga mangsa pembunuhan kejam di Tapah, Perak yang memohon JPN mengeluarkan sijil kematian ahli keluarga mereka bagi memudahkan urusan masing-masing.

3. Ingin dimaklumkan, pendakwaan kes ke atas tertuduh masih belum dijalankan. Memandangkan mayat tidak dijumpai, JPN tidak dapat mendaftarkan kematian dan mengeluarkan sijil kematian. Sekiranya mayat dijumpai dan kematian disahkan oleh Pegawai Perubatan, JPN akan mengeluarkan Sijil Kematian tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBr. Tuan TKPPN (O)
4. YBr. Tuan TKPPN (ICT)